

110 unit kontena mengandungi 1,864 tan buangan EAF ditemui di PTP

Sisa toksik transit dari Romania

Oleh **KHAIRUL MOHD. ALI**

ISKANDAR PUTERI – Jabatan Alam Sekitar (JAS) menemui 110 unit kontena berisi 1,864 tan sisa toksik jenis debu 'electric arc furnace' (EAF) dari Romania yang berstatus transit di Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP), Gelang Patah, di sini bulan lalu.

Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man berkata, penemuan tersebut merupakan penemuan bahan buangan berjadual terbesar yang dibawa masuk ke negara ini sejak perjanjian Konvensyen Basel pada 1993.

"Sisa toksik seberat 1,864 tan yang dikesan pada 15 Jun lalu itu dibawa masuk dari Romania untuk transit di sini sebelum diaduakan ke Indonesia. Debu EAF diklasifikasi sebagai buangan toksik dan berbahaya di bawah Konvensyen Basel.

"Debu EAF mengandungi logam berat amat berbahaya seperti zink, ferum, chromium, cadmium dan plumbum. Sekiranya sisa toksik ini tidak diuruskan mengikut prosedur tertentu, ia boleh memberi kesan buruk bukan sahaja kepada alam sekitar, tetapi turut menjejaskan ke-



TUAN Ibrahim (tengah) menunjukkan bahan buangan debu electric arc furnace (EAF) di Zon Perdagangan Bebas Pelabuhan Tanjung Pelepas, Gelang Patah.

sihatan manusia," ujarnya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar yang diadakan selepas melakukan lawatan kerja ke PTP, Gelang Patah di sini

semalam.

Hadir sama ialah Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Ir. Dr. Zaini Ujang dan Ketua Penga-

rah Jabatan Alam Sekitar, Norlin Jaafar.

Tuan Ibrahim berkata, menurut borang deklarasi, kesemua 110 kontena itu didaftarkan se-

bagai 'concentrated zinc', namun setelah siasatan dijalankan, hanya 30 peratus bahan tersebut ditemui, manakala selebihnya merupakan sisa buangan EAF.

"JAS telah memaklumkan pihak berkuasa Konvensyen Basel di Romania berhubung penemuan ini dan kesemua sisa toksik itu akan dihantar pulang ke negara berkenaan dalam waktu terdekat.

"Sementara itu, agensi Polis Antarabangsa (Interpol) juga telah dimaklumkan berhubung perkara ini untuk tindakan lanjut," ujarnya.

Tuan Ibrahim memberitahu, sejak Malaysia menandatangani Konvensyen Basel pada 1993, sebanyak 28 kes pengimportan haram barangan berjadual telah berjaya dikesan dan dipatahkan JAS dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia serta Pihak Berkuasa Pelabuhan antara tempoh 1 Januari hingga 30 Jun tahun ini.

"Saya ingin menegaskan bahawa sebagai anggota kepada Konvensyen Basel, kerajaan Malaysia komited untuk memenuhi sepenuhnya obligasi di bawah konvensyen tersebut," tambah beliau.